

**IDENTITI KORPORAT**

# **LOGO 121 TAHUN UNIVERSITI MALAYA**

*Home of the Bright, Land of the Brave | Di Sini Bermulanya Rintar, Tanah Tumpahnya Berani*



**UNIVERSITI  
MALAYA**

# LOGO RASMI UM121

Logo ini melambangkan perjalanan signifikan 121 tahun penubuhan Universiti Malaya sejak 1905, yang mencerminkan naratif kecemerlangan, sejarah, inovasi, dan kemajuan berterusan sebagai universiti tertua dan terulung di Malaysia.

Logo ini merupakan hasil daripada Pertandingan Mencipta Logo 121 Tahun UM. Rekaan asal oleh Dr. Fiqri Dizar Khaidizar, Pensyarah Kanan di Pusat Penyelidikan Bioteknologi Pertanian (CEBAR), Jabatan Sinergi Penyelidikan (Portfolio Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi), telah dipilih sebagai asas rekaan utama. Logo tersebut kemudiannya dimurnikan secara kolaboratif oleh Penerbit Universiti Malaya bagi mencapai identiti visual yang sempurna.



# SYARAT DAN KAEDAH PENGGUNAAN LOGO UM121

## Syarat dan Kaedah Penggunaan Logo UM121

- **Skop Penggunaan:** Logo ini khusus untuk kegunaan acara rasmi di peringkat Fakulti/PTj, Pusat, Akademi, dan Universiti sahaja bagi menyemarakkan sambutan 121 tahun Universiti Malaya.
- **Integriti Rekaan:** Segala bentuk pengubahsuaian terhadap reka bentuk, warna, atau nisbah logo adalah dilarang sama sekali. Hanya variasi logo rasmi yang disediakan sahaja dibenarkan untuk digunakan.
- **Penggunaan Kendiri:** Logo boleh digunakan secara sendirian sebagai identiti utama sambutan dalam pelbagai bahan promosi dan hebahan.
- **Kedudukan & Keutamaan:** Apabila digandingkan dengan logo Universiti Malaya atau entiti lain, kedudukan logo mestilah disusun mengikut hierarki keutamaan (senioriti) dan mematuhi protokol penjenamaan sedia ada.
- **Zon Eksklusif:** Penggunaan logo wajib mematuhi zon eksklusif (10%) yang telah ditetapkan bagi menjamin kejelasan dan mengelakkan gangguan visual daripada elemen lain.
- **Kejelasan Visual:** Keterlihatan dan ketajaman logo mestilah sentiasa diutamakan dalam setiap aplikasi media, sama ada digital atau cetakan.
- **Kebenaran Komersial:** Sebarang penggunaan logo bagi tujuan komersial atau penjanaaan keuntungan mestilah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pusat Hal Ehwal Korporat (CCA).
- **Tempoh penggunaan:** Logo ini dikuatkuasakan untuk kegunaan sepanjang tahun 2026, sehingga 31 Disember 2026.

# PALET WARNA

Skema warna logo ini direka bagi memastikan kepatuhan penuh terhadap identiti korporat Universiti Malaya dengan mengekalkan warna rasmi pada abjad 'UM', manakala angka '121' menggunakan Cerunan Emas (Gold Gradient) untuk memberikan sentuhan eksklusif dan premium tanpa menjejaskan integriti jenama asal universiti.



## GRADIENT GOLD

Angka '121', penggunaan warna emas (Cerunan Emas / Gold Gradient) diterapkan bagi melambangkan kemuliaan, prestij, dan kecemerlangan sambutan jubli tersebut.




## BIRU PANTONE CYMK 100 91 0 0

Abjad 'UM' menggunakan warna korporat rasmi Universiti Malaya bagi mengekalkan keseragam dan makna asal berkait logo Universiti Malaya.



# ZON EKSKLUSIF

Bagi mengekalkan kejelasan dan impak visual logo, satu ruang zon eksklusif sekurang-kurangnya 10% daripada saiz keseluruhan logo hendaklah dikosongkan daripada sebarang elemen grafik, teks, atau gangguan visual yang lain.






# REKA LETAK DAN KEDUDUKAN LOGO UM121

Panduan reka letak dan kedudukan logo ini disediakan sebagai rujukan teknikal bagi memastikan konsistensi visual serta martabat identiti sambutan 121 tahun terpelihara dalam pelbagai medium. Penggunaan susun atur yang sistematik bukan sahaja menjamin kejelasan imej, malah berfungsi sebagai garis panduan untuk mengekalkan hierarki penjenamaan yang seimbang, profesional, dan berimpak tinggi selaras dengan imej korporat Universiti Malaya.

# REKA LETAK KEDUDUKAN LOGO UM121 SECARA SENDIRI

Penggunaan logo secara sendiri (*standalone*) hanya dibenarkan bagi aplikasi pada gegantung (*bunting*) sahaja, dengan syarat ia mestilah dipasang dan dipamerkan secara berpasangan atau bersebelahan dengan gegantung logo rasmi Universiti Malaya. Ketetapan ini bertujuan untuk mengekalkan perkaitan jenama yang jelas serta memastikan identiti sambutan 121 tahun sentiasa bergerak selari dengan imej korporat induk universiti dalam setiap ruang promosi fizikal.



# REKA BENTUK BAHAN PROMOSI



Banner / Backdrop



Roll Up Bunting



Social Media Post



# KEDUDUKAN LOGO UM121 BERSAMA LOGO UNIVERSITI

Tatacara susunan logo Universiti Malaya bersama dengan logo UM121

Susunan logo diatas mengikut garis panduan sedia ada



Susunan logo UM121 dibawah



# KEDUDUKAN LOGO BANNER

Tatacara susunan logo Universiti Malaya bersama dengan logo UM121




Susunan logo diatas mengikut garis panduan sedia ada



Susunan logo UM121 dibawah

# KEDUDUKAN LOGO - GEGANTUNG

Tatacara susunan logo Universiti Malaya bersama dengan logo UM121



Susunan logo diatas mengikut garis panduan sedia ada

Susunan logo UM121 dibawah

# KEDUDUKAN LOGO - VIRTUAL MEETING BACKGROUND





# PENGGUNAAN LOGO UM121

Sepanjang tahun 2026, Universiti Malaya secara rasminya mengimplementasikan penggunaan logo UM121 pada semua medium komunikasi rasmi, merangkumi bahan cetak seperti poster, banner, bunting, dan kepala surat, serta platform digital termasuk e-backdrop, e-kad ucapan, latar belakang panggilan video, dan kandungan video. Selain itu, penggunaan logo ini turut diperluaskan dalam penghasilan cenderamata eksklusif (merchandise) sambutan seperti kemeja-T, korporat, lanyard, plak penghargaan, beg kitar semula, dan barangan premium lain. Bagi aplikasi pada bahan fizikal dan cenderamata, angka '121' diberikan keistimewaan untuk dihasilkan menggunakan dakwat emas (gold ink), kemasan gold foil, atau sulaman benang emas bagi menonjolkan nilai eksklusif dan kualiti premium sambutan 121 tahun Universiti Malaya.

